

Anwar nafi langkau keputusan Peguam Negara isu Batu Puteh

BERITA HARIAN 27 JUL 2025

m/d: 2

PM perjelas ketetapan Kabinet walaupun RCI usul lapor polis terhadap Dr M

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Keputusan kerajaan untuk tidak mengambil tindakan terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung isu pemilikan Batu Puteh yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) tidak melangkaui kuasa Peguam Negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim, berkata ia adalah keputusan Kabinet biarpun RCI itu mengusulkan supaya laporan polis dibuat terhadap Dr Mahathir serta tindakan susulan.

Mengulas kenyataan Ahli Parlimen Kota Bharu, Datuk Seri Takiyuddin Hassan pada Khamis lalu yang membawa usul untuk merujuk Anwar ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen, Perdana Menteri berkata, Ahli Parlimen Kota Bharu itu mengikut proses yang ada serta beliau belum membaca laporan suruhanjaya berkenaan.

"Itu dia ikut proses sebab dia tak baca lagi laporan suruhanjaya, laporan pasukan khas yang telah mengusulkan supaya laporan dibuat terhadap Tun Dr Mahathir kerana pengkhianatan terhadap negara dan tindakan susulan diambil.

Kerajaan berpendirian Tun M bersalah isu Batu Puteh, tiada tindakan kerana usia lanjut



Keratan akhbar BH Khamis lalu.

"Jadi saya tidak melangkaui keputusan Peguam Negara. Keputusan Kabinet, saya telah melihat misalnya, walaupun kesalahan itu, pengkhianatan itu besar tapi melihat kepada suasana dan keadaan Tun, kita mengusulkan tak perlu dibawa ke tengah maknanya ditahan sekali itu.

"Jadi keputusan mendakwa itu tak sampai (dilakukan) kerana siasatan tidak dilakukan, siasatan polis," katanya kepada pem-

berita selepas merasmikan Pertandingan Akhir Bahasa Piala Perdana Menteri Ke-50 Tahun 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini, semalam.

Ambil pengajaran isu

Pada Khamis lalu, Takiyuddin dilaporkan membawa usul untuk merujuk Perdana Menteri ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen kerana didakwa mengelirukan Dewan Rakyat ketika sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) berhubung isu Batu Puteh, Selasa lalu.

Takiyudin mendakwa Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Tambun menyatakan Dr Mahathir bersalah besar sedangkan bekas Perdana Menteri itu belum pun dituduh, dibicarakan dan dihukum oleh mana-mana mahka-

mah atas dakwaan terbabit.

Sementara itu, Anwar berkata, Kerajaan mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku Batu Puteh dalam rundingan antara Malaysia dan Indonesia membatkan proses rundingan isu persempadanan maritim Malaysia dan Indonesia di Laut Sulawesi.

Beliau dijangka menghadiri Rundingan Tahunan Malaysia-Indonesia di Jakarta pada 29 Julai ini, yang antara lain membincangkan berkenaan Laut Sulawesi.

Sebelum ini, Perdana Menteri dilaporkan berkata, isu berkenaan persempadanan di Laut Sulawesi telah dibangkitkan dalam pertemuan beliau bersama Presiden Indonesia Prabowo Subianto yang mencadangkan penyelesaian secara bersama dalam semangat negara sahabat.